

Bab Empat

Perpuakan, Barisan Pembangkang & Pendemokrasian (1988-1990)

Dalam tahun-tahun 1980an, angin perubahan dan demokrasi mula bertiup ke arah Asia. Pada tahun 1986, rakyat Filipina berjaya menumbangkan Presiden Ferdinand Marcos yang korup dan autoritarian, dan menubuhkan kerajaan baru yang diketuai oleh Corazon Arquino. Kemudian, pendemokrasian berlaku di arena politik Taiwan dan Korea Selatan yang telah lama diperintah di bawah sistem authoritarianisme.

Di Malaysia pula, usaha pendemokrasian bermula oleh pertumbuhan pertubuhan bukan kerajaan yang mementingkan isu alam sekitar dan hak asasi manusia. Selepas Pilihan raya 1986, kerajaan pimpinan Mahathir mula melancarkan kritikan terhadap pertubuhan-pertubuhan ini. Menteri Wilayah Persekutuan Abu Hassan Omar mengumumkan lima pertubuhan bukan kerajaan dan dua parti politik sebagai ‘duri dalam daging’ di Malaysia. ‘Musuh’ negara yang dinamakan oleh beliau adalah: Aliran Kesedaran Negara (Aliran), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Persatuan Pemeliharaan Alam Sekitar (EPSM), Persatuan Graduan Selangor, Majlis Peguam Malaysia, dan dua parti pembangkang yang utama, iaitu DAP dan PAS. Beliau mencabar golongan intelek yang berada dalam pertubuhan bukan kerajaan ini mendaftar sebagai parti politik dan menghadapi pengundi, untuk menunjukkan bahawa mereka mempunyai sokongan daripada rakyat.¹⁸²

¹⁸² Far Eastern Economic Review, 1 Januari 1987, m/s 16-18.

Selepas Team B dikeluarkan daripada UMNO, mereka meneruskan perjuangan untuk menumbangkan Mahathir di luar UMNO. Buat pertama kali dalam sejarah Malaysia golongan dissiden dalam UMNO bergabung kuasa dengan parti pembangkang yang lain untuk menentang UMNO. Pertandingan kuasa di antara Team A dan Team B kemudian berlanjutan di mahkamah, siri pilihan raya kecil dan pilihan raya umum 1990 kemudian.

4.1 UMNO Baru Lawan UMNO Lama

Ahli Team B melancarkan siri tindakan Mahkamah terhadap UMNO Baru. Plaintiff dalam kes UMNO 11 pula memfail rayuan untuk mencabar keputusan Hakim Harun Hashim yang memutuskan UMNO sebagai parti yang tidak sah. Mereka memohon perintah Mahkamah untuk memulihkan keesahan UMNO lama dan mengadakan pemilihan UMNO yang baru. Selain itu, sesetengah daripada ahli Team B memohon perintah Mahkamah Tinggi untuk menyekat pendaftaran UMNO Baru dan mencegahkan pemindahan aset daripada UMNO asal ke UMNO Baru.

Setahun selepas itu, Team B membawa *New Straits Times* dan *Utusan Melayu* ke Mahkamah kerana menggunakan perkataan ‘UMNO’ dan bukan ‘UMNO Baru’ dalam laporan mereka. Selepas rayuan plaintiff UMNO 11 ditolak oleh Mahkamah Tertinggi dalam kes asal, mereka pun terus mengambil tindakan Mahkamah terhadap *New Straits Times*, *The Star* dan *Utusan Melayu* atas tuduhan fitnah kerana akhbar-akhbar tersebut merujuk mereka sebagai ‘hipokrit, penjenayah, pembohong, pengkhianat’ dan sebagainya.¹⁸³ Walaupun kesemua tindakan Mahkamah ini tidak berjaya, tetapi ia

¹⁸³ *New Straits Times*, 17 September, 1988, m/s 2. Gordon Means, op.cit., m/s227-228.

berjaya melewatkannya dan menyusahkan proses pembentukan semula UMNO Baru. Adalah dipercayai bahawa Razaleigh merupakan orang yang mengaturkan strategi untuk kebanyakan tindakan undang-undang tersebut dan membayar perbelanjaan undang-undang.

Sementara itu, kedua-dua bekas Presiden UMNO, Tunku Abdul Rahman dan Hussein Onn berkempen dengan gigihnya untuk menghidupkan semula UMNO lama dan 'Semangat 46', nama yang mengingati tempoh pergerakan nasionalis Melayu untuk menentang penjajahan British pada tahun 1946. Walaupun Tunku hilang kolumnya dalam *The Star*, beliau kelihatan selalu muncul di aktiviti yang dianjurkan oleh Team B untuk memberi ucapan sokongan terhadap usaha mereka, tetapi kebanyakan aktiviti beliau tidak disiarkan oleh akhbar yang dikawal kerajaan. Pada suatu masa, beliau pernah dijemput oleh Sultan Kelantan untuk merasmikan pembukaan Balai Islam yang megah di Kota Baru. Sultan Kelantan menggunakan peristiwa ini untuk memberi sokongan politik kepada Razaleigh dan berkempen untuk mengembalikan UMNO lama.¹⁸⁴

Untuk menyebarkan maklumat mengenai perjuangan mereka, penyokong Team B juga mengedarkan pita audio dan video yang mengandungi ucapan tokoh Team B seperti Musa Hitam dan Tengku Razaleigh di kalangan masyarakat Melayu, sebagai saluran untuk menyebar pandangan dan maklumat mereka. Walaupun gagal mendaftarkan parti mereka, kumpulan pembangkang Melayu ini terus mengadakan Perhimpunan Agung 'UMNO Malaysia' di Kuala Lumpur pada bulan Jun 1988. Dalam perhimpunan ini, Tengku Razaleigh dipilih sebagai Presiden dan Rais Yatim

¹⁸⁴ *Utusan Malaysia*, 3 April 1988, m/s 1.

dipilih sebagai Setiausaha Agung dalam jawatankuasa pro-tem parti yang tidak didaftar ini. Tema utama yang ditekankan juga dimasukkan dalam slogan ‘Hidup UMNO 46’.

Pergerakan Semarak

Setelah pemimpin UMNO Baru berjaya memperolehi status yang sah dan mendapatkan semula infrastruktur dan aset UMNO lama, mereka berusaha untuk memulihkan keyakinan dan sokongan kaum Melayu. Ini adalah kerana tuduhan yang dilemparkan oleh dua bekas Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri adalah sangat konsisten, boleh dipercayai dan sukar ditangkis. Surat layang yang mendedahkan rasuah dan penyalahgunaan kuasa oleh pucuk pimpinan tertinggi dengan bukti dokumen juga luas diedarkan.

Untuk menyelesaikan masalah ini, kerajaan sekali lagi menghendaki kesemua pemimpin parti komponen BN, Menteri Besar dan pemimpin BN di peringkat negeri untuk menyatakan kesetiaan mereka dalam bentuk kenyataan publik dan sumpah kepada Mahathir.

Di samping itu, Mahathir juga melancarkan kempen perhimpunan awam yang dipanggil Kempen ‘Semarak’ di seluruh negeri. ‘Semarak’ bermaksud ‘Setia Bersama Rakyat’. Kempen yang diadakan selama setahun ini selain daripada dibiayai dengan wang kerajaan negeri dan Persekutuan, pegawai kerajaan juga dipertugaskan untuk menganjurkan perhimpunan tersebut. Kerajaan Persekutuan juga memperuntukkan RM1.5 juta untuk pembinaan Menara Semarak tingginya 250 kaki sebagai ‘peringatan

pertalian kekal di antara rakyat dengan pemimpin'.¹⁸⁵ Pergerakan Semarak lebih merupakan ibarat satu persesembahan teater dan karnival berbanding dengan menjelaskan isu kandungan politiknya. Dalam perhimpunan seperti ini, Mahathir selalu ditonjolkan sebagai rakyat biasa yang prihatin dan melibatkan diri dalam aktiviti Melayu yang biasa. 'Perpaduan Melayu' selalu dijadikan tema dalam perhimpunan tersebut.

Kesemua perhimpunan Semarak digunakan untuk menyerap orang Melayu ke UMNO Baru. Keahlian UMNO semasa ia diharamkan adalah 1.4 juta, tetapi sehingga Ogos 1988, UMNO Baru mengeluarkan kenyataan bahawa ia telah menerima permohonan sebanyak 931,361, manakala pada Januari 1989, jumlahnya telah sampai 1,052,308.¹⁸⁶ Mengikut pindaan Akta Pertubuhan yang diluluskan di Parlimen selepas pengharaman UMNO Lama, pewaris mesti merekrut sekurang-kurangnya 50 peratus ahli lama demi menebus balik aset UMNO lama. Untuk menunjukkan bahawa hampir semua ahli UMNO lama telah menyertai UMNO Baru, Pemimpin Team A berkata bahawa nombor keahlian asal UMNO lama yang sebanyak 1.4 juta itu adalah angka yang tidak benar, jadi dengan merendahkan angka keahlian lama, mereka pun dapat menggembalikan pengawalan penuh aset kepunyaan parti lama itu.

Tidak lama kemudian, perkataan 'Baru' juga dibuang daripada namanya dan parti itu kemudian menggelarkan dirinya sebagai UMNO. Langkah ini merupakan langkah

¹⁸⁵ Kenyataan mengenai tujuan monumen adalah dibuat oleh Menteri Penerangan Mohamad Rahmat. Baca: *New Straits Times*, 20 Jun 1988, m/s 2

¹⁸⁶ *Utusan Malaysia*, 9 Ogos 1988, m/s 4; *New Straits Times*, 19 September 1988, m/s 2; *New Straits Times*, 14 Januari 1989, m/s 2.

akhir untuk mengembalikan jiwa politik daripada pertubuhan yang mati kepada suatu entiti yang baru.¹⁸⁷

Selain daripada mengambil tindakan terhadap ahli pembangkang Melayu, Mahathir mula mengkritik hakim secara terbuka kerana beberapa hakim telahpun membuat keputusan yang bercanggah dengan kehendak kerajaan, khususnya berkenaan Kementerian Dalam Negeri. Misalnya Hakim Harun Hashim mengesahkan cabaran wartawan *Asian Wall Street Journal* di Kuala Lumpur terhadap perintah pengusiran kerajaan dalam tahun 1986. Pada Julai 1987, Hakim Harun menyokong permohonan seorang kaum India yang permohonan kerakyatannya ditolak oleh kerajaan. Selain itu, hakim tersebut juga memutuskan bahawa adalah salah bagi kerajaan menolak permohonan permit percetakan yang dibuat oleh pertubuhan reformasi sosial, *Aliran*.¹⁸⁸

Selepas beberapa cadangan pendamaian diketepikan oleh Mahathir, tiba pula giliran para Ahli Parlimen UMNO lama dipaksa untuk mengumumkan kesetiaan mereka terhadap parti baru, jika tidak, mereka akan disingkirkan daripada kerajaan dan BN. Pada September 1988, 13 Ahli Parlimen UMNO lama yang enggan menyertai UMNO Baru diminta duduk bersama dengan parti pembangkang di Parlimen, mereka digelar sebagai Ahli Parlimen bebas. Lepas itu, ia diikuti oleh seorang Ahli Parlimen lagi dan juga Musa Hitam.

¹⁸⁷ *Utusan Malaysia*, 11 Julai 1988, m/s 1. Keputusan ini kemudian dicabar di Mahkamah Tinggi oleh orang Team B, tetapi tindakan menggunakan perkataan UMNO untuk menggantikan UMNO Baru ini, dipelihara oleh mahkamah. Rujuk *New Straits Times*, 1 November 1988.

¹⁸⁸ *Asiaweek*, 16 Oktober 1987, m/s 19.

'Jemputan Mulia' Kepada Team B

Dua tahun selepas konflik di antara dua puak ini, ramai tokoh yang terkenal di kalangan masyarakat Melayu menyeru kedua-dua pihak supaya berdamai demi memulihkan perpaduan Melayu. Setelah berjaya membentukkan suatu parti mengikut kehendak beliau dan mengenakan cengkaman yang kuat terhadapnya, Mahathir pun berkata bahawa beliau ingin membaiki keretakan dengan ahli-ahli UMNO, dan menawar jawatan kabinet tanpa portfolio kepada Razaleigh dan Musa tanpa had masa dan syarat.

Tawaran tersebut meletakkan kedua-dua mereka dalam keadaan yang serba salah. Penolakan jemputan ini menyebabkan mereka dituduh sebagai merosakkan perpaduan kaum Melayu, manakala menerima jemputan beliau pula menyebabkan mereka seolah-olah tunduk kepada kepemimpinan beliau. Walau bagaimanapun, Musa menolak tawaran ini dengan pantasnya. Razaleigh tidak memberi sebarang keputusan selama beberapa minggu, kemudian baru berkata bahawa tawaran tersebut tidak manis dan menyifatkannya sebagai rasuah politik.

Selepas itu, Razaleigh ditegah oleh Mahathir untuk menghadiri Kongres Perpaduan Melayu yang dianjurkan oleh Persatuan Penulis Melayu Nasional (Pena) di Kelab Sultan Sulaiman di Kuala Lumpur (tapak pengasas UMNO dalam 1946). Presiden Pena, Yahya Ismail, pernah menulis sebuah buku yang kritikal terhadap Mahathir. Kongres ini merupakan peluang yang baik bagi puak anti-Mahathir untuk memobilisasi pandangan umum terhadap penyandang jawatan UMNO Baru. Walau

bagaimanapun, perhimpunan tersebut dibatalkan oleh polis dengan alasan ‘keselamatan’.¹⁸⁹

Selepas itu, Razaleigh membangkitkan satu usul di Parlimen untuk membaharui UMNO lama dan menerima semula kesemua bekas ahli UMNO. Mahathir menjawab bahawa cadangan tersebut merupakan perkara yang tidak mungkin dan tidak munasabah dari segi politik. Resolusi itu ditolak dengan undi 108 kepada 35, perbezaan undi ini menunjukkan kuasa di antara pembangkang dan BN di Parlimen.¹⁹⁰

Forum Perpaduan Melayu

Segolongan tokoh politik Melayu yang terkenal berpendapat bahawa usaha baru harus diadakan untuk membawa pendamaian di antara UMNO Baru dengan bekas pemimpin UMNO lama. Dengan itu, Forum Perpaduan Melayu pun dianjurkan oleh Hussein Onn pada 18 Disember 1988. Forum ini dihadiri oleh lebih kurang 200 ahli akademik, penulis dan hadirin yang kebanyakannya terdiri daripada puak Menteri Besar Johor, Muhyiddin Yassin yang pro-Mahathir dan juga penyokong Musa Hitam. Penyokong Razaleigh di Johor, bekas Menteri Besar Johor, Othman Saad dijemput pada saat-saat akhir enggan menghadiri forum tersebut. Forum itu meluluskan beberapa usul yang menyeru kepemimpinan UMNO untuk mengembalikan UMNO sebagaimana sebelum parti itu dibubarkan. Ini termasuk menggunakan perlembagaan UMNO lama, menerima pimpinan UMNO asal pada tahap kebangsaan, cawangan dan bahagian yang dipilih oleh ahli pada tahun tersebut.

¹⁸⁹ *New Straits Times*, 1 November 1988, m/s 1; 7 November 1988, m/s 3; 11 November 1988, m/s 2.

Kesemua usul tersebut diserahkan kepada Majlis Tertinggi UMNO (Baru) untuk pertimbangan. Pada mulanya, Mahathir menyuarakan persetujuan yang berhati-hati terhadap usaha Hussein Onn dan membayangkan kemungkinan menerima setengah daripada cadangan daripada forum itu.¹⁹¹ Sementara Ghafar Baba berkata perlombagaan baru UMNO menetapkan bahawa pindaan perlombagaan memerlukan permintaan daripada sekurang-kurang setengah daripada 134 bahagian.¹⁹² Pada 13 Januari 1989, cadangan yang dikemukakan dalam forum tersebut ‘diterima’ secara formal dan dengan syarat oleh Majlis Tertinggi UMNO. Kesemua ahli daripada UMNO lama Johor diterima masuk ke dalam parti sekiranya mereka menerima pimpinan tertinggi UMNO yang dipilih dalam Perhimpunan Agung parti pada 24 April 1987. Majlis Tertinggi berkata bahawa ‘usul perpaduan’ itu diterima tetapi ia harus tertakluk kepada peruntukan perlombagaan parti. Selain itu, langkah akan diambil untuk meminda perlombagaan UMNO yang terbubar itu mengikut peraturan parti.¹⁹³

Langkah ini sebenarnya telah membuka pintu kepada puak Musa di Johor, tetapi syarat tersebut tidak dilaksanakan di seluruh parti di Malaysia. Dasar yang bersifat eksklusif terhadap penyokong Team B yang lain masih wujud. Mengikut Gordon Means, dari segi strategi politik, langkah Majlis Tertinggi UMNO Baru ini menguatkan lagi dakwaan bahawa UMNO Baru adalah sama dengan parti lama,

¹⁹⁰ *New Straits Times*, 6 Disember 1988, m/s 1; 7 Disember 1988, m/s 3; 23 Disember 1988, m/s 4; 27 Disember 1988, m/s 2.

¹⁹¹ *New Straits Times*, 19 Disember 1988, m/s 4, 20 Disember 1988, m/s 3; 23 Disember 1988, m/s 4; 24 Disember 1988, m/s 4; 27 Disember 1988, m/s 2.

¹⁹² *Asiaweek*, 26 Januari 1989, m/s 33.

¹⁹³ *New Straits Times*, 14 Januari 1988, m/s 1-2.

manakala jemputan kepada puak Musa bertujuan memecahkan hubungannya dengan puak Razaleigh.¹⁹⁴

Tindakan Kekerasan Kerajaan BN

Laporan Belanjawan 1987 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Daim Zainuddin menunjukkan Malaysia sedang berada dalam krisis ekonomi dengan penurunan pendapatan dan peningkatan hutang. Sementara itu, kerajaan BN dan juga politik negara menghadapi banyak masalah. Masyarakat Cina amat tidak berpuashati terhadap kerajaan kerana kerajaan enggan memberi pampasan kepada pemegang saham skandal Koperasi yang mengalami kerugian besar. Koperasi ini diuruskan oleh anak syarikat MCA, Multi-Purpose Holdings Bhd, manakala bank lain yang diuruskan oleh kaum Bumiputra seperti United Asian Bank, Perwira Habib Bank Malaysia, Bank Bumiputera dan Bank Rakyat yang turut mengalami kerugian dibantu oleh kerajaan. Selain itu, masyarakat Cina juga amat tidak puas hati terhadap perlantikan guru yang tidak faham Bahasa Cina untuk menjadi pegawai pentadbir dan gurubesar di sekolah rendah Cina. Mereka menganggap ini adalah langkah pertama kerajaan BN untuk menghapuskan pendidikan Bahasa Cina di Malaysia. Sehubungan dengan itu, masyarakat Cina juga tidak puashati kerana kerajaan BN tidak menunaikan janji pilihan raya umum 1986 untuk memansuhkan Seksyen 21(2) dalam Akta Pendidikan 1961. Artikel tersebut memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk mengubah sekolah yang beraliran Bahasa Cina dan Tamil kepada sekolah aliran Bahasa Malaysia. Perkara tersebut bukan sahaja telah menyebabkan ketegangan kaum di

¹⁹⁴ Baca Gordon P. Means, op.cit., m/s 234.

antara masyarakat Cina dan Melayu bertambah serius, ia juga telah menyebabkan perhubungan di antara MCA dan UMNO menjadi sedikit tegang.

Memandangkan isu pendidikan Cina tersebut tidak dapat diselesaikan, MCA, Gerakan, DAP dan beberapa pertubuhan Cina telah membentuk suatu Jawatankuasa Bertindak Kebangsaan untuk menangani masalah ini. Jawatankuasa ini menganjurkan suatu ceramah besar-besaran di Tokong Thean Hou di Kuala Lumpur untuk mendesak kerajaan menarik balik perlantikan guru yang tidak dilatih dalam Bahasa Mandarin untuk mengajar di sekolah rendah Cina. Perhimpunan tersebut menarik lebih 2,000 peserta. Selepas itu, Ketua Pemuda UMNO, Najib Tun Razak menganjurkan suatu perhimpunan di Jalan Raja Muda Stadium di Kuala Lumpur pada 17 Oktober 1987 yang dihadiri oleh lebih 15,000 orang Melayu. Perhimpunan yang penuh dengan perasaan benci dan bau perkauman itu mendesak Timbalan Presiden MCA, Lee Kim Sai dilucutkan jawatan daripada kabinet dan MCA dipecat daripada kerajaan BN.¹⁹⁵ Selepas itu, beberapa pemimpin UMNO membangkitkan rancangan untuk mengadakan perhimpunan raksasa yang bertemakan ‘perpaduan’ untuk mengingati ulangtahun ke-40 UMNO pada 1 November. Perhimpunan yang bertujuan menunjuk kuasa dan dominasi politik kaum Melayu ini bertujuan menghimpunkan 50,000 orang Melayu dari seluruh negara.

Perhimpunan tersebut meningkatkan keimbangan orang ramai terhadap kemungkinan berulangnya rusuhan kaum seperti 13 Mei 1969. Pada masa itu, UMNO bukan sahaja menghadapi percaduhan di antara Team A dan Team B melalui

¹⁹⁵ Perhimpunan raksasa Pemuda UMNO ini penuh dengan bau perkauman, banyak sepanduk yang bertulis dengan perkataan yang bermusuhan terhadap masyarakat Cina digantung di stadium tersebut sementara patung Lee Kim Sai dan MCA dibakar dalam perhimpunan itu. Menurut penyokong Anwar, Mahathir sangat marah pada Najib selepas beliau menganjurkan perhimpunan raksasa tersebut.

siri kes Mahkamah tetapi ia juga menghadapi kes Mahkamah daripada Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, di mana beliau mencabar keputusan kerajaan yang menghadiahkan kontrak pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan kepada United Engineers Malaysia (UEM), iaitu sebuah syarikat yang dikaitkan dengan UMNO. UEM diberi kuasa untuk mengutip tol selama 25 tahun selepas lebuhraya itu siap.

Kepincangan di dalam politik pada masa itu menyebabkan Mahathir mengambil tindakan yang keras terhadap pelbagai pihak. Beliau mengharamkan perhimpunan raksasa yang dianjurkan oleh UMNO, di samping melancarkan penahanan beramai-ramai dengan sekali lagi menggunakan ISA bermula pada 27 Oktober 1987 ke atas 107 orang aktivis dan tokoh pembangkang. Operasi ini dipanggil ‘Operasi Lalang’. Di antara tahanan di dalam operasi tersebut adalah 16 tokoh daripada DAP, 9 daripada PAS, 8 daripada MCA, 5 daripada Gerakan, 3 daripada UMNO dan 1 daripada PSRM. 3 orang Team B daripada pemimpin Pemuda UMNO juga ditahan dalam operasi ini.¹⁹⁶ Mahathir kelihatan menggunakan penahanan ISA untuk mengelakkan rusuhan kaum dan ketegangan antara kaum di samping menghukum parti pembangkang dan golongan yang menentang beliau di dalam UMNO.

Krisis ekonomi yang melanda Malaysia pada pertengahan tahun 1980an telah memperserangitkan lagi perpuakan di dalam UMNO kerana ramai peniaga dan juga tokoh UMNO daripada pelbagai peringkat sangat bergantung kepada naungan kerajaan. Krisis ekonomi menyebabkan berlakunya pengagihan sumber ekonomi yang tidak seimbang di dalam UMNO dan juga di kalangan masyarakat Melayu. Razaleigh yang sebelum itu memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan telah menggunakan

kedudukannya untuk membina rangkaian sokongan dan naungan politiknya di dalam parti. Para penyokongnya mengalami kesusahan selepas beliau berada di luar UMNO manakala penyokong Daim Zainuddin pula mendapat ganjaran daripada sistem naungan kerajaan. Memandangkan Razaleigh merupakan pengasas Fleet Holdings Sendirian Berhad pada 1972 apabila beliau memegang jawatan Bendahari UMNO, kebanyakan aset UMNO pun dikumpul oleh Razaleigh semasa beliau memegang jawatan Menteri Kewangan. Oleh itu, selepas UMNO dibubarkan oleh Mahkamah, tokoh-tokoh Team B pun cuba dengan sedaya-upayanya untuk merebut aset tersebut melalui saluran Mahkamah.

Selain itu, masalah ekonomi negara dan keretakan UMNO juga meregangkan perhubungan di antara kaum Melayu dan kaum Cina. Para pemimpin UMNO kelihatan cuba menggunakan isu perkauman, seperti isu pampasan kepada pemegang saham Multi-Purpose Holdings Berhad dan isu penghantaran guru yang tidak faham Bahasa Cina ke sekolah rendah Cina untuk menutup konflik dalaman UMNO yang serius. Memandangkan api perkauman yang ditüpkan oleh UMNO ini kelihatan akan mencetuskan rusuhan kaum yang berdarah sekali lagi, Mahathir pun menegahkannya melalui Operasi Lalang. Langkah ini juga merupakan cara yang paling baik untuk memelihara kedudukannya di UMNO dan kerajaan berikutnya berikutan krisis politik dan ekonomi pada waktu itu.

¹⁹⁶ Ketiga-tiga ahli Team B ini adalah: Tajuddin Abdul Rahman, Fahmi Ibrahim dan Ibrahim Ali. Tokoh politik yang kontroversial pada masa itu seperti Lee Kim Sai dan Najib Tun Razak tidak pula

Pemecatan Ketua Hakim Negara Dan Lima Orang Hakim

Cara orang ramai, khususnya ahli politik pembangkang dan Team B mencabar keputusan kerajaan Mahathir melalui saluran Mahkamah menyebabkan Mahkamah terlibat dalam pertikaian kuasa dan dasar awam pada masa itu. Pada Januari 1988, Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman mengeluarkan amaran kepada hakim yang meluahkan pendapat persendirian dan sentimen dalam keputusan terhadap kes yang diuruskan mereka.¹⁹⁷ Amaran tersebut dikeluarkan beberapa hari selepas kerajaan menentukan hakim Mahkamah Tinggi yang mendengar kes 11 plaintif UMNO yang mencabar kesahihan pemilihan UMNO April 1987.¹⁹⁸ Setahun kemudian, kerajaan Mahathir pun mengambil tindakan untuk mengurangkan kuasa Mahkamah dengan meminda artikel 121 dan 145 dalam Perlembagaan Persekutuan, untuk memindah kuasa kehakiman daripada Mahkamah ke Parlimen.¹⁹⁹

Kerajaan dan badan kehakiman kemudian berlaga dalam satu konfrontasi publik. Kerajaan memecat Ketua Hakim Negara, Salleh Abas yang kritikal terhadap tindakan kerajaan yang mencabul kuasa kehakiman dan lima orang hakim Mahkamah Agung yang mengeluarkan perintah ‘pemberhentian prosiding’ Tribunal atas permohonan Salleh Abas.²⁰⁰ Tiga hari selepas pemecatan Salleh Abas, Mahkamah Agung menolak

ditahan.

¹⁹⁷ *New Straits Times*, 12 Januari 1988, m/s 2.

¹⁹⁸ Di Malaysia, semua hakim adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, dan mereka tidak boleh dihentikan jawatan sebelum umur persaraan, mereka hanya boleh dialihkan ke mahkamah yang lain.

¹⁹⁹ *New Straits Times*, 16 Mac 1988, m/s 1.

²⁰⁰ Tun Salleh Abas menghantar surat kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengadu tentang ucapan Perdana Menteri yang membidas badan kehakiman di Parlimen. Surat itu ditulis oleh beliau bagi pihak semua hakim selepas bermesyuarat dengan 20 hakim di Kuala Lumpur. Akibatnya, Tun Salleh Abas digantungkan jawatan oleh Mahathir dan pergantungan jawatan beliau itu dikira daripada tarikh sebelum itu demi membatalkan setengah tindakan undang-undang termasuk tarikh mendengar kes UMNO dan rayuan Karpal Singh. Suatu Tribunal yang dipengerusikan oleh Tun Hamid Omar, pemangku Ketua Hakim Negara yang dilantik untuk menggantikan jawatan Salleh Abas pun didirikan untuk mendengar kes bekas Ketua Hakim itu. Tun Salleh Abas membantah komposisi Tribunal itu

rayuan 'UMNO 11' yang memohon untuk membatalkan keputusan Mahkamah yang menyebabkan UMNO lama sebagai 'pertubuhan tidak sah' pada bulan Ogos 1988.²⁰¹

Tindakan campurtangan pemimpin UMNO dalam pengurusan kehakiman tersebut bukan sahaja telah merosakkan kebebasan sistem kehakiman Malaysia, ia juga telah merosakkan perlaksanaan teori tiga cabang kuasa di dalam sistem demokrasi, yang akhirnya meninggalkan kesan yang besar terhadap kebebasan sistem kehakiman di Malaysia selepas itu. Walaupun kerajaan pimpinan Mahathir telah bersungut terhadap beberapa keputusan Mahkamah yang tidak berpihak kepada kerajaan sebelum itu, tetapi adalah jelas bahawa campurtangan secara terus terhadap kehakiman hanya dilakukan apabila Mahathir bimbang bahawa kedudukannya dalam UMNO mungkin akan ditumbangkan oleh Mahkamah sehingga beliau sanggup mengambil tindakan terhadap hakim demi menyelamatkan kedudukannya.

4.2 Pertandingan Kuasa Melalui Pilihan Raya Kecil

Selain daripada persaingan kuasa di Mahkamah, pertandingan kuasa di antara Team B dan Team A juga berlarutan melalui siri pilihan raya kecil yang beturut-turut. Pilihan raya kecil tersebut pada satu sudut telah merapatkan kerjasama di antara parti pembangkang. Keputusan siri pilihan raya kecil ini juga membayangkan tindakbalas orang awam terhadap kerajaan BN dalam kawasan yang berlainan.

tetapi rayuan beliau ditolak oleh Tribunal. Selepas itu, Tun Salleh Abas mengadu ke Mahkamah Agung untuk perintah memberhentikan prosiding, selepas mesyuarat kecemasan di antara hakim di Mahkamah Agung, Mahkamah Agung pun memerintah Tribunal itu memberhentikan prosiding itu dan tidak menghantar cadangannya kepada Yang di-Pertuan Agong. Empat hari selepas keputusan Mahkamah Agung mengeluarkan perintah 'pemberhentian prosiding' kepada Tribunal, Yang di-Pertuan Agong menggantungkan jawatan kelima-lima hakim di Mahkamah Agung atas nasihat Perdana Menteri, atas tuduhan 'kelakuan yang tidak senonoh'. Suatu Tribunal baru pun didirikan untuk mendengar kes mereka.

²⁰¹ New Straits Times, 10 August 1988, m/s 1-2.

Pilihan Raya Kecil Tanjung Puteri Dan Johor Baru

Pilihan raya kecil pertama diadakan di Tanjung Puteri, suatu kawasan yang berdekatan dengan Johor Baru. Pilihan raya ini diadakan selepas Ahli Dewan Undangan Negeri di kawasan itu meninggalkan dunia pada Mac 1988 dan juga selepas UMNO Baru dibentuk dan tengah melancarkan kempen Semarak. Kawasan ini merupakan suatu kawasan yang terdiri daripada kelas bawahan dan pertengahan. Komposisi pengundi di kawasan ini adalah: 51.1 peratus Melayu, 42.5 peratus Cina dan 6.2 peratus India.

Team B tidak menghantar calon untuk bertanding dalam pilihan raya kecil ini. Ia merupakan pertandingan di antara calon UMNO Baru, Mohamed Yunos Sulaiman dengan calon daripada Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), Abdul Razak Ahmad. Akhirnya, calon BN menang dengan 31 undi majoriti sahaja. Undi majoriti yang tipis ini membayangkan bantahan masyarakat umum, khususnya masyarakat Melayu terhadap kepemimpinan Mahathir.²⁰²

Pilihan Raya Kecil Johor Bahru

Keputusan pilihan raya kecil Tanjung Puteri memang telah meningkatkan semangat Team B untuk mencabar UMNO Baru yang menolak kemasukan semula ahli-ahli Team B ke pangkuhan UMNO Baru.

²⁰² Calon UMNO Baru menang dengan 10,181 undi manakala pencabarnya mendapat undi sebanyak 10,150. Rujuk: *Far Eastern Economic Review*, 17 Mac 1988, m/s 13-14.

Shahrir Abdul Samad merupakan pengurus kempen Tanjung Puteri untuk UMNO Baru yang kemudiannya digantung sebagai Ketua Bahagian UMNO Johor Bahru selepas pilihan raya kecil tersebut. Beliau juga merupakan salah seorang daripada 16 Ahli Parlimen yang mengumumkan kedudukan mereka sebagai ahli bebas dan duduk bersama dengan parti pembangkang di Parlimen.

Pada akhir April 1988, demi menunjukkan sokongan politik beliau dan membalaaskan dendam terhadap UMNO Baru, Shahrir bergabung kuasa dengan Team B. Beliau meletakkan jawatan Ahli Parlimen dan bertanding semula dalam pilihan raya kecil Parlimen itu sebagai calon bebas.²⁰³ Shahrir mempunyai sokongan politik yang kukuh di Johor Baru, di samping itu, Negeri Johor juga kuasa asas Musa Hitam. Cabarannya mendapat sokongan daripada ramai ahli UMNO Lama yang kehilangan naungan dan manfaat politik kerana bersekutu dengan Musa.²⁰⁴

Kawasan Johor Baru terdiri daripada 48.4 peratus kaum Melayu, 40.1 peratus kaum Cina, 8.5 peratus kaum India dan 3 peratus kaum lain-lain. Walaupun DAP membuat keputusan tidak meletakkan calon pada pilihan raya kecil ini untuk memberi sokongan senyap kepada Shahrir, tetapi calon PSRM yang pernah menang dalam pilihan raya kecil Tanjung Puteri, Abdul Razak Ahmad turut menyertai pilihan raya kecil ini.

Pilihan raya kecil ini menarik perhatian seluruh negara. Ia dilihat sebagai referendum terhadap banyak tindakan dan polisi kerajaan sejak pilihan raya umum 1986. BN

²⁰³ Shahrir ingin menggunakan ‘Taktik Perperangan Sun Tze’ untuk berlawan dengan Mahathir, iaitu puak mereka menetapkan waktu dan tempat untuk mengadakan siri pertandingan kuasa dengan beliau. Dalam rancangan awalnya, selepas beliau meletakkan jawatan, ia akan diikuti oleh Ahli Parlimen bebas yang lain, iaitu Ibrahim Ali, Rais Yatim dan lain-lain. Perbezaan di antara beliau dengan ahli Team B yang diketuai oleh Razaleigh adalah Razaleigh memilih saluran untuk bertanding di Mahkamah,

menggunakan seluruh jentera dan pemimpin utamanya dalam kempen untuk calonnya. Mereka menekankan pemulihan ekonomi yang telah menghasilkan banyak peluang pekerjaan. Ghafar Baba pula mengumumkan peruntukan RM230 juta projek untuk membina satu laluan ke Singapura dan juga RM27 juta untuk peruntukan lain di Johor Baru. BN juga menekankan kepentingan perpaduan Melayu dan mengkritik kempen Shahrir bekerjasama secara senyap dengan DAP, mereka membangkitkan sentimen perkauman ‘anti-Cina’ untuk memancing undi Melayu.

Dari segi publisiti, poster Shahrir boleh dikatakan hampir ditutupi oleh poster laut BN; dari segi media pula, laporan mengenai Shahrir dalam media adalah kurang sekali. Walau bagaimanapun, ramai penyokong membantu beliau untuk menjalankan kempen pintu ke pintu, termasuk segolongan tokoh Melayu yang terkenal, termasuk Tengku Razaleigh dan Rais Yatim. Tunku Abdul Rahman malah mengumumkan bahawa Pilihan raya kecil itu adalah pemilihan di antara ‘kuku besi dan demokrasi’. Walau bagaimanapun, Musa hanya tinggalkan satu pita video rakaman ucapan beliau yang mengutuk Mahathir untuk kempen itu.

Dari segi kempen di kalangan masyarakat bukan Melayu pula, Shahrir menggunakan isteri Cina beliau untuk memancing undi kaum Cina dengan berkesan sekali. Selain daripada itu, simbol yang dipilih oleh beliau adalah simbol tiga kunci yang melambangkan kerjasama di antara tiga kaum utama. Kempen yang bertumpu pada ‘gaya kepemimpinan’ Mahathir juga menarik sokongan daripada hampir semua komuniti.

kemudian di Parlimen (melalui usul-usul) dan akhirnya melalui Pilihan raya umum. Wawancara dengan Shahrir Abdul Samad pada 6 Julai 2000 di Kuala Lumpur.

Keputusan pengundian merupakan suatu tampanan hebat kepada BN, Shahrir Abdul Samad menang dengan 63.57 peratus undi manakala calon BN hanya mendapat 29.56 peratus undi sahaja. Shahrir bukan sahaja memenangi kembali kerusinya, tetapi beliau mendapat pertambahan undi majoriti yang mendadak, iaitu daripada 2,235 undi pada tahun 1986 kepada 12,595. Penganalisa politik mendapati bahawa beliau memenangi banyak undi daripada kaum Cina di samping mendapat 70 sehingga 74 peratus undi Melayu. Keputusan ini bukan sahaja menunjukkan kemarahan masyarakat Cina dan masyarakat Melayu terhadap kerajaan pimpinan Mahathir, ia juga melambangkan kekalahan simbolik dan psikologikal kerajaan dan Team A. Kemenangan Shahrir telah menaikkan semangat orang Melayu yang membantah kepemimpinan Mahathir untuk berkumpul di bawah panji Semangat 46 dan meneruskan perjuangan mereka untuk mencabar Mahathir di luar parti.²⁰⁵

Pilihan Raya Kecil Parit Raja

Seminggu selepas pilihan raya kecil Parlimen Johor Baru, speaker Dewan Undangan Negeri Johor meninggal dunia sekali gus mengosongkan kerusinya di satu kawasan Parit Raja, suatu kawasan yang mempunyai 80 peratus pengundi Melayu. Pilihan raya kecil tersebut dilihat sebagai sukatan terhadap sokongan Melayu di luar bandar terhadap Mahathir. Calon UMNO Baru adalah setiausaha politik Mahathir, Mohamed Yasin Kamari manakala calon Semangat 46 adalah Hamdan Yahya yang bertanding sebagai calon bebas. Selain itu, lima lagi calon bebas turut menyertai pertandingan ini, sesetengah daripada mereka dipercayai disokong oleh UMNO Baru dengan tujuan mengkaburkan pengundi yang bersimpati kepada pembangkang Melayu. Calon

²⁰⁴ Gordon Means, *ibid*, m/s 244.

²⁰⁵ Baca Gordon P. Means, *op.cit.*, m/s 245 - 246.

Semangat 46 terpaksa menggunakan ikan sebagai simbolnya kerana simbol ‘tiga kunci’ yang pernah digunakan oleh Shahrir dipakai oleh calon bebas yang lain.

Walaupun kepemimpinan Mahathir menjadi isu utama dalam pilihan raya kecil ini, tetapi cadangan Mahathir untuk mengadakan rundingan mengenai perpaduan Melayu berjaya menolak dakwaan yang dilempar oleh tokoh pembangkang Melayu bahawa UMNO Baru ‘memecah-belahan Melayu’. Selain itu, isu di mana Shahrir Samad yang menang dalam Pilihan raya kecil Johor Baru enggan mengangkat sumpah di hadapan Speaker Dewan Rakyat, Mohamed Zahir Ismail kerana beliau merupakan salah seorang anggota dalam tribunal yang memecat Ketua Hakim Salleh Abas juga dieksplorasi oleh penyokong BN.²⁰⁶ Mereka mendakwa tiada guna bagi pengundi untuk memberi sokongan kepada calon pembangkang kerana dia tidak akan memainkan peranan sebagai Ahli Dewan Rakyat.

Sama seperti pilihan raya kecil di Johor Baru, calon BN mendapat sokongan penuh dari segi jentera BN dan media, pelbagai manfaat diberi kepada pengundi dalam kempen tersebut. Akhirnya, BN menang dengan 7,262 undi berbanding dengan 6,849 undi kepada calon Semangat 46, tetapi undi majoriti BN yang hanya 413 sahaja menunjukkan bahawa ia mencapai satu kemenangan yang tipis dalam pertandingan kuasa tersebut. Walaupun kelima-lima calon bebas yang lain kehilangan wang deposit pencalonan mereka, tetapi mereka memang berjaya memecah-belahan undi yang diperolehi oleh calon Semangat 46.

²⁰⁶ Shahrir Samad memohon cuti daripada Dewan Rakyat pada masa itu, beliau kemudian terpaksa mengangkat sumpah untuk masuk semula di Dewan Rakyat.

Kemenangan calon BN telah melemahkan semangat puak Musa yang bekerjasama dengan Razaleigh secara berat hati dan ingin menjadikan Johor sebagai asas pemulihan UMNO Lama. Dengan itu, Musa pun memanggil moratorium untuk menggunakan pilihan raya kecil untuk memaksa Mahathir meletak jawatan dan menimbangkan cadangan Mahathir untuk mengadakan rundingan damai.²⁰⁷

Pilihan Raya Kecil Ampang Jaya

Selepas itu, suatu lagi pilihan raya kecil diadakan di kawasan Parlimen Ampang Jaya, kerana Lim Ann Koon dari MCA yang tidak sehaluan dengan pucuk pimpinan MCA meletakkan jawatan sebagai Ahli Parlimen. Kawasan ini mempunyai 67 peratus kaum Melayu, 27 peratus kaum Cina dan 5 peratus kaum India. BN memilih seorang calon muda, Ong Tee Kiat yang juga bekas setiausaha politik kepada Lee Kim Sai sebagai calon, manakala Semangat 46 memilih seorang tokoh yang kontroversial, iaitu bekas Menteri Besar Selangor, Harun Idris untuk bertanding sebagai calon bebas dengan harapan pengaruh Harun di kalangan masyarakat Melayu di Selangor akan membantu parti itu menarik undi Melayu.

Pilihan raya kecil Ampang Jaya merupakan kerjasama percubaan di antara para pemuda daripada tiga parti Muslim, iaitu PAS, Berjasa dan Hamim dengan pemuda daripada puak Razaleigh.

Dalam kempen pilihan raya kecil ini, latar-belakang Harun yang kontroversial menutupi imej positif Semangat 46 di Pilihan raya kecil Johor Baru. Walaupun DAP

²⁰⁷ *Far Eastern Economic Review*, 3 November 1988, m/s 15-16.

yang mempunyai sokongan yang kuat daripada kaum Cina memberi sokongan yang terbuka kepada Harun seminggu sebelum pengundian, tetapi sokongan tersebut bukan sahaja gagal membantu Harun untuk memancing undi Cina tetapi parti itu dikecam oleh masyarakat Cina sebaliknya.

BN sekali lagi mengeksplotasi isu Shahrir enggan mengangkat sumpah di hadapan Speaker Parlimen pada kempen pilihan raya kecil itu. Selain itu, UMNO Baru berkata mereka ingin menerima usul ‘perpaduan’ yang dibentangkan dalam Forum Perpaduan Melayu di Johor sebagai salah satu cara untuk menarik undi.²⁰⁸

Akhirnya, calon MCA menang di kawasan yang terdiri daripada majoriti Melayu ini. Harun mendapat lebih kurang 55 peratus undi Melayu manakala kurang daripada 1,000 undi Cina.²⁰⁹ Keputusan pilihan raya kecil ini menunjukkan kepentingan undi masyarakat bukan Melayu, khususnya undi kaum Cina terhadap kedua-dua puak Melayu yang bertanding kuasa. Kegagalan Semangat 46 untuk menunjukkan imej yang menarik sokongan daripada pelbagai kaum, seperti simbol ‘tiga kunci’ yang melambangkan perpaduan di antara tiga kaum di Malaysia yang digunakan oleh Shahrir Samad di pilihan raya kecil Johor Baru dan calon yang tidak sesuai adalah punca kekalahan mereka.

Selain daripada empat pilihan raya kecil yang terlibat dengan UMNO Baru dan Semangat 46, terdapat satu pilihan raya kecil di Bentong yang ditandingi oleh DAP

²⁰⁸ *New Straits Times*, 14 Januari 1989, m/s 1-2.

²⁰⁹ Ong Tee Kiat menang dengan 23,719 undi, iaitu 54 peratus daripada jumlah undi, manakala Harun mendapat 19,469 undi, iaitu 44 peratus sahaja. Baca: *Far Eastern Economic Review*, 9 Februari 1989, m/s 11.

dan MCA dan ia dimenangi oleh MCA.²¹⁰ Siri pilihan raya kecil yang dihasilkan oleh perletakan jawatan oleh wakil rakyat yang tidak puas hati terhadap kerajaan menyebabkan kerajaan BN akhirnya mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan untuk menegahkan wakil rakyat meletakkan jawatan secara sengaja hanya kerana inginkan pilihan raya kecil.²¹¹

Musa Hitam Pulang ke Pangkuhan UMNO

Selepas UMNO Baru dibentuk, Musa telah mengelakkan diri daripada bergabung dengan UMNO Malaysia ataupun UMNO Baru tetapi beliau menyeru kedua-dua pihak berdamai. Apabila seruan beliau tidak disahut, beliau pun mengambil sikap yang senyap dan menunggu. Dua hari selepas BN menang dalam pilihan raya kecil Ampang Jaya, Musa Hitam kembali ke pangkuhan UMNO bersama-sama dengan empat pengikutnya daripada Semangat 46.²¹² Adalah jelas bahawa kemerosotan sokongan kaum Melayu terhadap Parti Semangat 46 di pilihan raya kecil Ampang Jaya merupakan faktor utama yang mendorong Musa untuk pulang ke pangkuhan

²¹⁰ Pilihan raya kecil Parlimen Bentong diadakan kerana kematian Ahli Parlimen merangkap Menteri Kesihatan MCA, Chan Siang Sun yang pernah menang sebanyak tujuh penggal di kawasan itu. Oleh kerana kawasan Bentong mempunyai 53 peratus pengundi Cina, pilihan raya kecil ini menjadi pertandingan di antara DAP dan MCA. Demi memikat hati pengundi Cina, kerajaan membebaskan beberapa tahanan ISA daripada DAP, ini termasuk Setiausaha Agung DAP selaku Ketua Pembangkang Parlimen, Lim Kit Siang dan Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng. Walau bagaimanapun, calon MCA, Lim Ah Lek menang dengan undi majoriti 1,700, lebih daripada jumlah undi yang diperolehi oleh Chan Siang Sun sebelumnya. Kemenangan ini menunjukkan pengundi di kawasan luar bandar dan masyarakat Cina memberi sokongan yang kuat kepada kerajaan. Mereka tidak endah tentang senarai tuduhan yang dibentangkan oleh DAP mengenai rasuah, penahanan beramai-ramai dengan menggunakan ISA, penggantungan dan pemecatan hakim dan sebagainya. Selain daripada itu, hari pengundian yang ditetapkan pada 13 Mei juga merupakan suatu amaran kepada para pengundi, khususnya kaum Cina mengenai Peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969, untuk menakutkan mereka supaya jangan mengundi DAP. Undi yang diperolehi oleh DAP jatuh sebanyak 8 peratus berbanding pada pilihan raya umum yang lepas. Ini juga membayangkan masyarakat Cina tidak suka melihat kerjasama secara tidak langsung di antara DAP dengan PAS. Rujuk Means, op.cit; m/s 263-264.

²¹¹ Pindaan Perlembagaan Persekutuan 48(6) berbunyi: Seseorang yang meletakkan keahliannya dalam Dewan Rakyat hendaklah, bagi tempoh lima tahun bermula dari tarikh perletakan keahliannya berkuatkuasa, hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Rakyat. Pindaan tersebut diluluskan di Parlimen pada 14 Mac 1990 dan dikuatkuasa dalam Mei 1990.

UMNO. Kepulangannya telah melemahkan pengaruh dan sokongan Semangat 46 di kalangan masyarakat Melayu.

Musa sebenarnya tidak pernah rapat dengan pemimpin Semangat 46 walaupun beliau kritis terhadap Mahathir. Beliau disifatkan sebagai 'lone ranger' oleh orang Team B dan beliau juga kurang bergaul dengan mereka. Ini mungkin disebabkan oleh pengalaman pahit beliau semasa dicabar oleh Razaleigh pada tahun 1981 dan 1984, dalam kedua-dua pencabarannya ini, Razaleigh dituduh menggunakan jawatan Menteri Kewangannya untuk mengagihkan naungan dan manfaat kepada penyokongnya. Taktik yang digunakan oleh Razaleigh ini amat menyusahkan Musa yang tidak berada dan tidak berupaya untuk memberi naungan yang banyak. Gabungan di antara Musa dengan Razaleigh selepas beliau meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri merupakan suatu 'perkahwinan demi kesenangan' (*marriage of convenience*) dan bukannya gabungan kerana persamaan dari segi dasar ataupun ideologi politik. Dengan itu, adalah wajar bagi kedua-dua mereka berpisah apabila iklim politik masyarakat Melayu berubah di mana kaum Melayu ingin melihat kedua-dua puak yang bermusuhan itu berbaik semula di dalam UMNO.²¹³

Musa pulang ke pangkuhan UMNO pada masa Mahathir mengambil cuti sakit untuk menjalani pembedahan jantung pada Januari 1989. Pembedahan beliau itu menimbulkan tanda tanya tentang pewaris beliau, kerana Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba, yang sama umur dengan Mahathir, 63, juga pernah mengadakan pembedahan jantung. Kesihatannya kelihatan lemah selepas menyertai siri kempen pilihan raya kecil. Jadi, terdapat ramalan bahawa sebab Musa balik ke pangkuhan

²¹² *New Straits Times*, 31 Januari 1989, m/s1; 1 Februari 1989, m/s 1 dan 2; Gordon P. Means, op.cit., m/s 258.

UMNO adalah kerana beliau berkeinginan untuk aktif dalam politik arus perdana, khususnya selepas beliau memberitahu *Utusan Melayu* bahawa beliau sedia bertanding bagi merebut salah satu jawatan Naib Presiden UMNO jika mendapat pencalonan yang cukup pada pemilihan parti yang akan diadakan tahun itu.²¹⁴

4.3 Pembentukan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan Gagasan Rakyat

Permohonan Semangat 46 untuk didaftar sebagai parti politik diluluskan pada bulan Jun 1989 selepas Pilihan raya kecil Ampang Jaya. Selepas itu, Semangat 46, Berjasa (suatu parti kecil yang bertapak di Kelantan dan telah berundur dari BN) pun bergabung dengan PAS dan membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Walaupun PAS hanya mempunyai satu kerusi di Parlimen dan lima belas kerusi di Dewan Undangan Negeri, gabungan kuasa di antara PAS dan Semangat 46 mempunyai pengaruh yang kuat di Kelantan dan Trengganu; Razaleigh pula mempunyai pengaruhnya di bahagian utara Kedah, Perlis dan Perak. Tujuan Razaleigh adalah untuk mengawal sekurang-kurang 44 daripada 83 kerusi Parlimen yang majoritinya Meiayu dan dimenangi oleh UMNO, untuk memberi beliau suatu asas yang kukuh untuk mencabar jawatan Perdana Menteri jika beliau gagal menumbangkan kerajaan Mahathir. Razaleigh juga bergantung kepada DAP yang mempunyai 24 kerusi Parlimen pada masa itu untuk mendapat sokongan kaum Cina.

²¹³ Wawancara dengan Rais Yatim dan Musa Hitam dalam Mac 1998.

²¹⁴ Di antara tiga orang Naib Presiden UMNO pada masa itu, Wan Mokhtar Ahmad dilihat sebagai pemimpin yang bukan daripada persekutuan; Abdulrahman Badawi yang pernah dilucut daripada kabinet kerana menyokong pakatan Razaleigh-Musa pada tahun 1987 menyebabkan beliau tidak mendapat keyakinan daripada kedua-dua pilak. Anwar Ibrahim yang disokong oleh Dr. Mahathir telah berjaya membina suatu rangkaian di kalangan korporat, akademik, pertubuhan Islam antarabangsa dan di agensi kerajaan. Walau bagaimanapun, atas alasan yang berlainan, Ghafar Baba, Abdulrahman Badawi dan Wan Mokhtar tidak suka Anwar Ibrahim dan ingin menyisihkan beliau. Rujuk: *Far Eastern Economic Review*, 9 Februari 1989, m/s 10-11; *Asiaweek*, 16 Mac 1990, m/s 32.

Pilihan Raya Kecil Teluk Pasu

Ujian pertama APU di kawasan pusat Melayu adalah pada pilihan raya kecil Teluk Pasu di Terengganu pada 24 Jun 1989. Akhirnya, calon PAS, Harun Taib mengalahkan calon UMNO, Kadi Abdul Ramham Mohamed dengan undi majoriti yang nipis, iaitu 141. Teluk Pasu terdiri daripada hampir 100 peratus pengundi Melayu yang kebanyakannya pesawah. Kadar pengundian sebanyak 86.21 peratus merupakan rekod yang tertinggi dalam sejarah pilihan raya Malaysia. Kemenangan undi yang tipis ini menunjukkan keretakan di kalangan kaum Melayu di kawasan pinggir Timur di Semenanjung Malaysia. Penganalisaan undi menunjukkan bahawa Razaleigh memang memainkan peranan yang penting dan sekurang-kurangnya merebut 500 undi untuk calon PAS. Kemenangan ini menguatkan lagi kerjasama kedua-dua parti dalam APU seterusnya.²¹⁵

Pilihan Raya Kecil Tambatan

Selepas kemenangan APU di Teluk Pasu, pilihan raya kecil Tambatan di Negeri Johor diadakan pada 5 Ogos 1989. Kawasan ini mempunyai 58.4 peratus pengundi Melayu, 35 peratus pengundi Cina dan 6.3 peratus pengundi India. Calon BN adalah seorang pegawai agama, Abdul Kadir Annuar, manakala calon Semangat 46, Jaafar Onn, anak kepada pengasas UMNO, Onn Jaafar dan adik kepada Hussein Onn. Akhirnya calon BN menang dengan 7,598 undi manakala calon Semangat 46 mendapat 6,523 undi, undi majoriti adalah 1,075.

²¹⁵ Far Eastern Economic Review, 6 Julai 1989, m/s 18.

Keputusan Pilihan raya kecil ini menunjukkan undi di kalangan masyarakat Melayu telah terbahagi dan UMNO terpaksa bergantung kepada pengundi Cina untuk mendapat kemenangan. Keputusan ini juga membayangkan bahawa pengundi Cina telah menghantar suatu mesej bahawa mereka tidak berpuas hati terhadap kerjasama secara tidak langsung di antara DAP dan PAS kerana mereka khuatir tentang matlamat PAS untuk menubuhkan Negara Islam di Malaysia. Selain daripada itu, kadar pengundian yang hanya 63.47% menunjukkan bahawa pengundi telah semakin jemu dengan pilihan raya kecil, khususnya ini merupakan pilihan raya kecil yang keempat di Negeri Johor sejak tahun 1986.

Perhimpunan Agung Parti Semangat 46

Perhimpunan Agung Semangat 46 yang pertama diadakan pada 12 Oktober 1989. Ia dirasmikan oleh Tunku Abdul Rahman, tetamu khas termasuk pemimpin DAP dan pemimpin parti komponen APU yang lain. Dalam Perhimpunan Agung tersebut, Tengku Razaleigh dipilih sebagai Presiden Semangat 46 tanpa bertanding, Harun Idris mengundurkan diri daripada pertandingan untuk jawatan Timbalan Presiden pada saat-saat akhir dan Rais Yatim, bekas Menteri Luar Negeri dipilih sebagai Timbalan Presiden parti itu.²¹⁶

Selaras Parti Semangat 46 dibentuk, parti itu pun bekerjasama secara terus dengan Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) sebelum Pilihan raya umum 1990. Pembentukan APU dan Gagasan Rakyat bermaksud persaingan

²¹⁶ Terdapat 7 orang bertanding untuk jawatan Naib Presiden dan 38 orang bertanding untuk 20 kerusi dalam Majlis Tertinggi. Dua antara tiga Naib Presiden yang dipilih adalah Ibrahim Azmi Hassan, seorang pakar agama dan ahli strategi politik dari Terengganu dan Marina Yusoff, seorang peguam wanita. Pemilihan mereka menunjukkan perubahan fikiran perwakilan parti tersebut.

kuasa di antara Team A dan Team B dalam UMNO berubah menjadi pertandingan kuasa di antara barisan pembangkang dengan BN yang diketuai UMNO.

Pergabungan kuasa di antara Semangat 46 dan DAP mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat Cina. Selain daripada perhimpunan raksaka yang dihadiri oleh 20,000 orang di Pulau Pinang pada Februari 1990, di mana Lim Kit Siang ditonjolkan sebagai bakal Ketua Menteri Pulau Pinang manakala Razaleigh sebagai bakal Perdana Menteri,²¹⁷ beberapa tokoh terkenal daripada masyarakat Cina menyertai DAP bersama-sama dengan pengikut mereka pada 18 haribulan Ogos 1990 dengan slogan ‘Menguatkan parti pembangkang, memupuk sistem dua barisan’.²¹⁸

Dua bulan sebelum pilihan raya umum pada Oktober 1990, Semangat 46 dikalahkan sekali lagi dalam pilihan raya kecil di kawasan Dewan Undangan Negeri Kijal di Terengganu dengan perbezaan undi sebanyak 1,700.²¹⁹ Kemenangan BN ini sekali lagi menguatkan semangat mereka.

²¹⁷ Pulau Pinang mempunyai populasi sebanyak 1.1 juta, di antaranya 53% adalah kaum Cina. Jumlah kerusi di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang adalah 33 dan jumlah pengundinya adalah 552,000. Sebelum Pilihan raya umum 1990, Parti Gerakan yang dipimpin oleh presidennya Dr. Lim Chong Eu mempunyai 8 kerusi di dalam kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengawal 23 kerusi, di mana 12 dipunyai oleh UMNO. Walau bagaimanapun, Lim Chong Eu tetap menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang. Rujuk *Asiaweek*, 6 April 1990, m/s 25-26.

²¹⁸ Tokoh terkenal ini termasuk Pengurus Dong Zhong, Lim Fong Shen; bekas tahanan dalam Operasi Lalang, Dr. Kua Kia Soong, Lee Ban Chen, Yang Pei Keng, Ngeow Yin Ngee yang terkenal atas perjuangan mereka terhadap hak pendidikan Cina dan hak asasi manusia dan lain-lain. Mereka berasal daripada Badan Pendidikan Cina (Dong Jiao Zhong) dan Dewan Perhimpunan Cina yang menubuhkan Jawatankuasa Hak Rakyat (Civil Rights Committee).

²¹⁹ Menurut Marina Yusoff, kekalahan ini adalah disebabkan oleh strategi program “Anak Angkat” UMNO, iaitu pekerja parti UMNO tinggal bersama dengan pengundi sehingga hari pengundian untuk ‘mencuci otak’ mereka. Selain daripada itu, menurut penganalisa politik, ia juga disebabkan oleh perpecahan dalam kepemimpinan parti itu di Negeri Terengganu. Rujuk: *Asiaweek*, 31 Ogos 1990, m/s 27-28.

Mahathir Berdamai Dengan Pemimpin Team B

Kemenangan BN dalam lima daripada tujuh pilihan raya kecil sejak UMNO Lama terbubar selama 18 bulan menunjukkan Mahathir telah berjaya mengukuhkan semula kuasa beliau di persada politik negara dan UMNO. Selepas itu, beliau pun menunjukkan tanda ingin berdamai dengan pemimpin Team B yang mana mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu.

Sebagai tanda berdamai yang lebih lanjut, Mahathir melantik Musa Hitam sebagai utusan khas ke Caribbean pada awal bulan Ogos 1989, untuk membuat persediaan bagi Persidangan Ketua Komanwel yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Oktober tahun itu. Selepas itu, Musa dilantik lagi sebagai utusan khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Perlantikan yang berterus-terusan ini membangkitkan dugaan bahawa Musa mungkin akan dipertimbangkan sebagai Timbalan Perdana Menteri.²²⁰

Pada 12 Disember 1989, Mahathir berjumpa dengan Razaleigh dan menjemput beliau pulang ke pangkuan UMNO bersama-sama dengan 300,000 ahli-ahlinya. Mesyuarat itu berakhir dengan persetujuan yang kabur bahawa ‘kedua-dua mereka akan bertemu sekiranya perlu.’ Perjumpaan tersebut hanya memberi keuntungan politik kepada pihak Mahathir dan bukannya Razaleigh. Dalam satu forum DAP pada 8 Disember 1988, Razaleigh berkata bahawa perjumpaannya dengan Mahathir adalah tidak bermakna dan beliau akan mengekalkan pendirian politiknya.

²²⁰ *Far Eastern Economic Review*, 14 September 1989, m/s 24.

Pada 13 Disember 1989, Parlimen meluluskan pindaan Akta Pertubuhan yang menegah ahli parti politik untuk membawa masalah dalamannya ke Mahkamah, dan keputusan pimpinan sesebuah parti politik terhadap masalah dalamannya adalah muktamad.²²¹ Pindaan ini menutup saluran ahli UMNO yang ingin menggunakan Mahkamah untuk menyelesaikan masalah parti mereka.

4.4 Pilihan Raya Umum 1990

Mahathir memanggil pilihan raya umum ke-lapan pada bulan Oktober 1990. Selain daripada faktor kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat,²²² sebab lain untuk mengadakan pilihan raya umum pada masa itu adalah demi mengenepikan satu keputusan yang kontroversial, iaitu samada meneruskan DEB selepas 1990, kerana Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN, ataupun National Economic Consultative Council) gagal mencapai persetujuan dalam isu tersebut dan ramai anggota bukan Melayu dan parti pembangkang menarik diri daripada menganggotai majlis ini.

Kerajaan BN menjemput sekretariat Komanwel untuk menghantar rombongan pemerhati dalam pilihan raya umum tersebut dan kerajaan buat pertama kalinya membenarkan penyiaran deklarasi Pilihan raya umum barisan pembangkang melalui radio sebagai tanda untuk menunjukkan bahawa pilihan raya umum ini diadakan dengan adil dan bebas. Pada masa yang sama, rombongan *Election Watch* yang terdiri daripada 6 pengkritik kerajaan yang terkenal yang diketuai oleh Mohamad Suffian

²²¹ *Far Eastern Economic Review*, 28 Disember 1989, m/s 18.

²²² Pertumbuhan ekonomi berada pada kadar pertumbuhan 8.5%, GNP per kapita adalah RM2,050, lebih tinggi daripada rakyat di Negeri Thai, Filipina dan Indonesia, pelaburan asing adalah tinggi, lebih kurang RM4.9 bilion projek telahpun diluluskan pada tahun itu.

Hashim, bekas Ketua Hakim Malaysia, juga ditubuhkan untuk mengawasi pilihan raya umum tersebut.²²³

Gagasan Rakyat dan APU menumpukan pada isu-isu khusus seperti rasuah, masalah ekonomi, nepotisme dan penyalahgunaan kuasa. Mereka juga menggunakan slogan ‘Selamatkan Malaysia’ sebagai tema kempen pilihan raya umum.²²⁴

BN pula menekankan tema ‘kesinambungan politik’ demi mencapai keamanan, kestabilan dan kemakmuran dalam proses pembinaan negara (nation building). Ia menekankan aspek pentadbiran politik dan pembangunan yang cekap, selain daripada menyoal perbezaan ideologi dan pendekatan di antara parti-parti pembangkang dan kemampuan mereka untuk membentuk kerajaan yang mantap. Walaupun Mahathir dijadikan sasaran kritikan parti pembangkang, BN masih menonjolkan beliau sebagai pemimpin yang unggul dalam kempennya. Beliau ditonjol sebagai seorang cendekiawan yang mempunyai wawasan dan bersikap terbuka. Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Penswastaan, Dasar Pensyarikatan dan projek-projek multi-nasional yang lain pun dibangkitkan oleh BN demi membuktikan bahawa beliau adalah pemimpin negara yang mampu membimbing Malaysia ke arah kemakmuran dan kestabilan.

Beberapa hari sebelum pengundian, Parti Bersatu Sabah (PBS) tiba-tiba menyertai Gagasan Rakyat. Walau bagaimanapun, penyertaannya diputar-belitkan oleh media

²²³ *Asiaweek*, 10 Ogos 1990, m/s 18.

²²⁴ Dalam APU, isu yang dibangkitkan oleh Semangat 46 dan PAS adalah agak berbeza. Semangat 46 lebih menekankan isu krisis Perlembagaan di antara Dr. Mahathir dengan Raja-raja Melayu, rasuah, penurunan nilai wang ringgit, pembaziran dalam projek kemewahan seperti pembinaan Kompleks Daya Bumi, Jambatan Pulau Pinang, Projek Proton Saga, Hicom, Perwaja dan sebagainya. PAS mengkritik UMNO dengan menggunakan isu agama Islam, ia menuduh UMNO gagal mengatasi masalah sosial

kawalan kerajaan dalam kempen tersebut sehingga menjadi satu beban dan halangan kejayaan terhadap barisan pembangkang.

Keputusan Pilihan Raya Umum 1990

Keputusan pilihan raya umum yang diumumkan pada 22 Oktober 1990 menunjukkan pengundi Malaysia mengembalikan kuasa kepada BN dengan kedudukan yang melebihi dua pertiga majoriti di Parlimen. Walau bagaimanapun, BN kehilangan kuasa pentadbiran negeri di Kelantan dan Sabah, dan hampir kehilangan Pulau Pinang. UMNO memenangi 71 kerusi daripada 86 kerusi Parlimen yang ditandinginya. Semangat 46 yang meletakkan 145 calon DUN dan 61 calon Parlimen bertanding di seluruh Semenanjung Malaysia hanya menang dengan 8 kerusi Parlimen, iaitu 7 di Kelantan dan 1 di Terengganu. Selain itu, ia hanya menang 19 daripada 145 kerusi DUN yang ditandinginya. Keputusan pilihan raya umum ini menunjukkan bahawa UMNO Baru/Team A berjaya menewaskan cabaran Semangat 46/Team B di luar UMNO.

PAS mencapai kejayaan yang cemerlang di Negeri Kelantan, di antara 7 kerusi Parlimen yang dimenanginya, 6 kerusi adalah daripada Kelantan. Di samping itu, ia juga memperolehi 24 daripada 33 kerusi DUN di Kelantan. Kerjasama PAS dan Semangat 46 berjaya mengembalikan tumpuk kepemimpinan Kelantan kepada parti pembangkang.²²⁵

dengan bersungguh-sungguh selain daripada isu-isu pembaziran, korupsi, hutang negara yang meningkat dan sebagainya.

²²⁵ Laporan Pilihan Raya Malaysia 1990, Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1992, m/s 16 dan 41-45.

Bagi DAP pula, walaupun Setiausaha Agong DAP Lim Kit Siang berjaya menewaskan Lim Chong Eu, Pengerusi Parti Gerakan selaku Ketua Menteri Pulau Pinang, parti itu masih kekurangan 3 kerusi demi menerajui pemerintahan di Pulau Pinang. Selain itu, parti itu mendapat 20 kerusi Parlimen dan 45 kerusi DUN di seluruh negara. Keputusan yang diperolehi oleh DAP ini menunjukkan bahawa kemarahan masyarakat Cina terhadap kerajaan BN dan mereka juga menerima kerjasama di antara DAP dan Semangat 46 dalam Gagasan Rakyat. Walaupun BN telah cuba mengaitkan pakatan ini sebagai pakatan di antara DAP dan PAS dengan tujuan untuk menuju Negara Islam di Malaysia, tetapi tuduhan ini tidak begitu dipercayai oleh pengundi masyarakat Cina.

Taktik Kotor BN Dalam Pilihan Raya Umum 1990

Pilihan raya umum 1990 menyaksikan penggunaan politik wang, korupsi, peras ugut dan politik pembohongan dengan sepenuhnya. Mengikut suatu perangkaan yang tidak rasmi, UMNO dianggarkan telah menggunakan RM300 juta dalam tempoh kempen 10 hari itu. Di Gua Musang, kononnya pengundi diberi wang RM1,000 untuk menumbangkan Tengku Razaleigh.²²⁶ Kebanyakan perbelanjaan kempen yang diguna oleh calon BN melebihi had yang ditetapkan dalam undang-undang.

BN menggunakan peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 dengan sepenuhnya. Selain daripada ucapan ugutan daripada Mahathir, BN juga menyiarkan iklan berwarna yang membayangkan rusuhan kaum 13 Mei 1969 dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan

²²⁶ Lim Kit Siang, *The Dirtiest General Elections in the History of Malaysia*, Oriengroup Sdn. Bhd., Petaling Jaya, m/s 6.

Nanyang Siang Pau beberapa hari sebelum pengundian.²²⁷ Selain itu, gambar Razaleigh yang memakai tengkolok Kadazan dalam lawatannya untuk menyambut PBS yang menyertai Gagasan Rakyat di Sabah diputar-belitkan oleh televisyen dan akhbar Bahasa Malaysia kawalan BN bahawa terdapat tanda salib di tengkoloknya. Media menuduh Razaleigh mengkhianati agama dan bangsa. Beliau juga didakwa akan menubuhkan stesen radio Kristian di Sabah malah menyetujui untuk menubuhkan Negeri Kristian di Sabah. Propaganda BN menerajui media pada saat terakhir, berjaya memanipulasikan ramai pengundi Melayu dan menyebabkan mereka mengundi UMNO pada saat-saat terakhir.

Penganalisaan Terhadap Ketewasan Semangat 46

Sebelum Pilihan raya umum diadakan, Rais Yatim memberitahu *Asiaweek*:

"Dengan peralihan sebanyak 10 peratus di peringkat kebangsaan, BN akan kehilangan majoriti dua pertiga, dan dengan peralihan sebanyak 20%, kami akan berkuasa. Kami perlu 92 kerusi untuk membentuk kerajaan baru. Ia akan memberi kita majoriti yang lemah, tetapi mungkin ada orang akan lompat daripada BN."²²⁸

Walau bagaimanapun, parti itu gagal mencapai matlamat ini. Parti Semangat 46 hanya berjaya membantu rakan-rakan Gagasan Rakyat dan APU di Kelantan dan

²²⁷ Tajuk iklan yang disiarkan dalam Utusan Malaysia bertajuk 'Sokong Membawa Rebah', manakala tajuk iklan dalam *Nanyang Siang Pau* adalah 'Imbas kembali dalam Sejarah'. Gambar iklan ini menunjukkan perang di antara Orang Portuguese dengan Melayu di Melaka, ia membayangkan bahawa Semangat 46 adalah pengkhianat kepada kaum Melayu yang bertanggungjawab atas kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka.

²²⁸ *Asiaweek*, 19 Oktober 1990, m/s 36-37.

Terengganu untuk mengalah sokongan daripada BN kepada mereka, tetapi pengaruhnya tidak kuat di luar daripada kedua-dua negeri itu. Seperti apa yang dijangkakan oleh Mahathir pada awal tahun 1990, Semangat 46 hanya dapat membantu PAS dalam pilihan raya umum 1990 manakala PAS tidak akan membantu Semangat 46.²²⁹ Semangat 46 mengalihkan 10 sehingga 25 peratus undi asal UMNO di kawasan yang ditandingi oleh PAS, khususnya di Kelantan dan Terengganu. Selepas pilihan raya umum, PAS dan Semangat 46 telah membentuk kerajaan campuran di Negeri Kelantan.

Sebab keputusan yang cemerlang yang dinikmati oleh PAS dan DAP dan bukannya Semangat 46 adalah kerana kedua-dua parti ini masing-masing mewakili alternatif bagi pengundi Melayu dan pengundi Cina yang biasanya menyokong BN. Kedua-dua parti mempunyai sejarah dan reputasi yang telah lama diiktiraf oleh masyarakat Melayu dan Cina, manakala Semangat 46 adalah parti baru yang mana simbol dan ideologinya masih belum diterima oleh masyarakat Melayu. Selain itu, oleh kerana parti itu menandingi terlalu banyak kerusi, ia juga tidak mempunyai jentera Pilihan raya yang kuat untuk menjalankan kempen di semua kawasan yang ditandinginya, khususnya di kawasan kuat UMNO di luar bandar yang memerlukan tenagakerja dan wang yang banyak. Oleh itu, parti itu akhirnya hanya menerima undi daripada penyokong pembangkang yang tradisi di kawasan yang ditandingi oleh mereka. Misalnya, di kawasan yang ditandingi oleh Semangat 46 yang dahulunya ditandingi oleh PAS dan DAP, seperti Parlimen Alor Setar, Parit Buntar dan Kuantan, jumlah undi yang diperolehinya tidak jauh berbeza daripada jumlah undi yang pernah diperolehi oleh PAS dan DAP.

²²⁹ Mahathir berkata, "The most Parti Semangat 46 could hope to achieve is to attract votes for

Parti komponen dalam Gagasan Rakyat mendapat sokongan yang memuaskan daripada kalangan masyarakat Cina secara keseluruhan. Walaupun kerjasama secara *tidak langsung di antara DAP dan PAS diheboh-hebohkan oleh MCA di masyarakat Cina*, tetapi propaganda tersebut tidak begitu mempengaruhi pola pengundian masyarakat Cina terhadap DAP, Semangat 46 dan PRM, kerana DAP dilihat tegas dalam pendiriannya yang membantah pembentukan Negara Islam yang dipelopori oleh PAS. Selain itu, PAS dan DAP tidak dilihat berada bersama dalam satu perikatan politik, ini pun dapat menghapuskan kekhawatiran pengundi Cina terhadap kemungkinan penubuhan Negara Islam.

Sebagai rumusan, keputusan pilihan raya umum 1990 ini menunjukkan matlamat Parti Semangat 46 untuk menumbangkan BN/ UMNO telahpun gagal, dan kemunculan parti ini hanya memainkan peranan untuk menguatkan barisan pembangkang yang sedia ada, khususnya PAS dan DAP, dan secara bandingan, PAS merupakan parti yang menerima paling banyak manfaat dalam kerjasama dengan Semangat 46 ini.

PAS in areas where UMNO had marginal victories in the last general election." Rujuk: New Sunday Times, 7 Januari 1990.